

---

**E-BUKU PANDUAN MAJLIS  
KONVOKESYEN  
POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU  
KALI KETIGA**

---

## 1. PENYERTAAN KONVOKESYEN PMJB KALI KETIGA

1.1 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen dan tuntutan Diploma hanya sah setelah menyempurnakan perkara-perkara berikut:-

- i. Menjelaskan bayaran penyertaan Majlis Konvokesyen. Rujuk perkara 2.
- ii. Memberi maklumbalas "**BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN**" sebelum atau pada **07 APRIL 2017 (JUMAAT)**.
- iii. Mengisi dan mencetak soal selidik kajian pengesanan graduan di alamat <http://graduat.moe.gov.my>. Bagi yang hadir, anda dikehendaki mencetak muka surat terakhir laman web dan bawa bersama untuk urusan pendaftaran. Sekiranya tidak hadir, anda dikehendaki "scan" dan "email" muka surat tersebut kepada Jawatankuasa Pengesanan Graduan. Laman web tersebut boleh diakses mulai **24 APRIL 2017**.

### PERINGATAN:

Perkara (1.1) di atas adalah wajib bagi semua graduan yang hadir atau tidak hadir ke Majlis Konvokesyen. Kegagalan anda berbuat demikian boleh menyebabkan anda tidak dibenarkan menghadiri majlis konvokesyen atau pengeluaran transkrip akan ditahan.

Sebarang pertanyaan mengenai soal selidik kajian pengesanan graduan, sila hubungi Cik Hasnida Binti Ibrahim di talian 07-335 8851.

1.2 Graduan yang hadir **DIWAJIBKAN** mengikuti sesi berikut :-

- 1.2.1 Pra pendaftaran dan Taklimat Konvokesyen (Raptai)
- 1.2.2 Pengesanan Graduan
- 1.2.3 Pendaftaran Graduan.
- 1.2.4 Majlis Konvokesyen

## 2. BAYARAN KONVOKESYEN PMJB KALI KETIGA

2.1 Jumlah bayaran ialah **RM 280.00 (hadir), RM 210.00 (pos) dan RM 200.00 (ambil sendiri)**.

2.2 Pembayaran boleh dibuat melalui cawangan **BANK ISLAM (Sila Gunakan Slip Pembayaran)** atas nama **KOPERASI POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU BERHAD** nombor akaun "**01014010055410**".

### PERINGATAN :

Pembayaran melalui **Cash Deposit Machine (CDM)** atau **ATM** adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Sekiranya membuat pembayaran menerusi perbankan Internet, sila cetak resit sebagai bukti bayaran.

2.3 Slip pembayaran Bank Islam

- 2.3.1 Salinan pertama : Simpanan Bank Islam.
- 2.3.2 Salinan ke-2 : Pos bersama kad **BORANG PENGESAHAN PEMBAYARAN & KEHADIRAN**.
- 2.3.3 Salinan 3 & 4 : Simpanan graduan. (Bawa pada masa pra pendaftaran bagi tujuan pendaftaran & peminjaman jubah)

2.4 Sila cetak **DUA (2)** salinan resit transaksi sebagai bukti slip pembayaran menerusi perbankan internet untuk urusan pendaftaran dan pengambilan jubah .

2.5 **Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman**, boleh menyertai Majlis Konvokesyen tetapi Diploma akan ditahan oleh **Unit Peperiksaan PMJB** sehingga bayaran dijelaskan.

### 3. PRA PENDAFTARAN & TAKLIMAT KONVOKESYEN

- 3.1 Pra pendaftaran graduan, raptai dan taklimat konvokesyen akan dibuat pada jam 8.30 pagi -4.30 petang, 29 April 2017 (Sabtu) di Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)
- 3.2 Taklimat dan raptai Konvokesyen adalah **WAJIB** dihadiri bagi memastikan kelancaran dan protokol Majlis Konvokesyen yang mesti dipatuhi oleh setiap graduan.
- 3.3 Taklimat dan raptai ini akan diadakan di Dewan Laksamana Tunku Abdul Jalil, PIS selepas selesai proses pra pendaftaran graduan dan pengesanan graduan. **Rujuk aturcara majlis di Portal Rasmi PMJB.**

TARIKH	AKTIVITI	MASA	TEMPAT
29 APRIL 2017 (Sabtu)	Pra pendaftaran & Pengesanan graduan	8.30 am – 12.30 pm	Makmal Komputer CAD 4, Jabatan Matematik, Sains & Komputer (JMSK), PIS.

TARIKH	AKTIVITI	MASA	TEMPAT
29 APRIL 2017 (Sabtu)	Taklimat & Raptai Konvokesyen	2.00 pm – 4.30 pm	Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)

### 4. URUSAN PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN JUBAH

#### 4.1 Peminjaman Jubah

- 4.1.1 Salinan slip bayaran Bank Islam perlu ditunjukkan kepada Urusetia Pengurusan Graduan semasa peminjaman dibuat.
- 4.1.2 Graduan dikehendaki mencetak dan melengkapkan **BORANG PERMOHONAN PEMINJAMAN JUBAH KONVOKESYEN**. Bawa borang bersama untuk urusan peminjaman dan pemulangan jubah.
- 4.1.3 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	AKTIVITI	MASA	TEMPAT
29 APRIL 2017 (Sabtu)	Peminjaman jubah	4.30 pm – 6.30 pm	Kantin, PIS.

#### 4.2 Pemulangan Jubah

- 4.2.1 Jubah hendaklah dipulangkan sebaik sahaja Majlis Konvokesyen tamat.
- 4.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Diploma/Sijil ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- 4.2.3 Jubah yang **hilang atau rosak** akan dikenakan bayaran gantirugi sebanyak **RM450.00** setiap satu.
- 4.2.4 Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

TARIKH	AKTIVITI	MASA	TEMPAT
30 APRIL 2017 (Ahad)	Pemulangan jubah	5.00 pm – 6.00 pm	Kantin, PIS.

## 5. PENDAFTARAN GRADUAN PADA HARI KONVOKESYEN

- 5.1 Semua graduan dikehendaki mendaftar di foyer Kantin PIS antara jam **12.00 t/hari – 1.30 t/hari pada 30 April 2017 (Ahad)**.
- 5.2 Tanpa pendaftaran, graduan tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- 5.3 **Jadual Pendaftaran , Taklimat Konvokesyen dan Majlis Konvokesyen boleh di rujuk di portal rasmi PMJB.**

## 6. MAJLIS KONVOKESYEN

- 6.1 Graduan dikehendaki hadir lebih awal atau pada waktu yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dari tidak dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- 6.2 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibu, bapa atau penjaga;
  - 6.2.1 dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol.
  - 6.2.2 dilarang meninggalkan dewan sebelum selesai Majlis Konvokesyen.
- 6.3 Tempat duduk tetamu (ibubapa/penjaga) adalah terhad, sila tunjukkan **“KAD JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN”**. Hanya dibenarkan untuk dua orang dewasa sahaja.
- 6.4 Ibu, bapa atau penjaga yang masuk ke dalam dewan hendaklah memakai pakaian formal yang bersesuaian dengan majlis.

## 7. SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

### 7.1 Sahsiah Dan Rupadiri Semasa Pendaftaran Dan Acara Raptai

- 7.1.1 Semua graduan mesti berpakaian kemas dan menampilkan perwatakan menarik, sopan serta bersesuaian sepanjang majlis.
- 7.1.2 Graduan **DILARANG TEGAS** memakai seluar jenis **“jeans”**, **selipar**, **capal** dan **‘T-shirt’ tanpa kolar** semasa mendaftar.
- 7.1.3 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan graduan wanita Islam hendaklah menutup aurat (bertudung) atau bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan **tidak diwarnakan**.

### 7.2 Etika Berpakaian Semasa Majlis Konvokesyen.

#### A. Graduan Lelaki.

- 7.2.1 Graduan beragama Islam **digalakkan** berpakaian kebangsaan lengkap berwarna hitam (songkok, baju berbutang, seluar, sampin serta kasut kulit berwarna hitam) atau,
- 7.2.2 Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, berseluar ‘slack’ *hitam* / gelap dan bertali leher. Pemakaian Blazer adalah diwajibkan.

7.2.3 Graduan **tidak** dibenarkan memakai **tali bow (bowtie)**.

#### B. Graduan Wanita.

7.2.4 Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung atau Kebaya Labuh warna bebas (**kain berbelah adalah dilarang**) Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah mengenakan **tudung** berwarna **putih/krim sahaja**. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.

7.2.5 Bagi graduan bukan beragama Islam dibenarkan berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlungan dan sekiranya memakai **skirt** hendaklah labuh melepasi **paras buku lali**.

#### 7.3 Kasut

7.3.1 Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (**bahagian depan kaki bertutup**).

7.3.2 **Kasut bertutup** yang sesuai bagi **graduan wanita** ialah kasut yang mempunyai ketinggian kurang daripada 3 inci.

7.3.3 Penggunaan kasut kulit berwarna hitam atau gelap amat digalakkan.

7.3.4 **Sandal, capal atau** kasut jenis **sukan** tidak dibenarkan sama sekali.

### 8. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN SIJIL

8.1 Graduan boleh mengambil Diploma masing-masing sebaik sahaja setelah Majlis Konvokesyen berakhir dan mengesahkan pemulangan jubah di Foyer Pusat Islam Iskandar Johor.

8.2 **Diploma yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PMJB. Sebarang tuntutan Diploma selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di UNIT PEPERIKSAAN PMJB. Sila hubungi 07-3358851.**

**PERINGATAN: TRANSKRIP HANYA BOLEH DIAMBIL SEKIRANYA PROSES PEMULANGAN JUBAH SELESAI**

### 9. TEMPAT LETAK KENDERAAN & PAS MASUK KENDERAAN

9.1 Graduan, ibu bapa atau penjaga hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang telah disediakan.

9.2 Sila patuhi arahan pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

9.3 Pas masuk kenderaan hendaklah dicetak oleh graduan sebelum menghadiri taklimat, raptai dan majlis konvokesyen.

### 10. PAS MASUK MAJLIS KONVOKESYEN

10.1 Disebabkan tempat yang terhad dan bilangan graduan yang ramai, hanya satu (1) keping pas masuk ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk bagi dua (2) orang dewasa sahaja (ibu bapa atau penjaga). **Kanak-kanak berumur bawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk.**

10.2 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing **sebelum jam 2.00 petang** pada hari majlis konvokesyen.

10.3 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PMJB memohon maaf sekiranya terdapat ahli keluarga graduan yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.

- 10.4 Ibu, bapa atau penjaga **tidak dibenarkan meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.**

## 11. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 11.1 Syarikat luar diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima Diploma dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 11.2 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu **dilarang** mengambil gambar di dalam atau di luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

## 12. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 12.1 Pihak PMJB tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 12.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya **tidak membawa masuk** ke dalam dewan seperti **makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan Majlis Konvokesyen** seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- 12.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit, "tablet" dan lain-lain.

## 13. KUASA POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU

- 13.1 **Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.**
- 13.2 **Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan adalah muktamad.**
- 13.3 Justeru itu pihak PMJB, mohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

## 14. PENGINAPAN

Penginapan di sepanjang konvokesyen adalah tanggungjawab graduan. Pihak PMJB tidak menyediakan sebarang penginapan.

## 15. LOKASI KONVOKESYEN

Dewan Laksamana Tunku Abdul Jalil,  
Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)  
Km 10. Jalan Kong Kong,  
81700 pasir Gudang Johor.  
Tel: 07-2612488

**Peta Lokasi:**

**POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN**  
 KM 10, JALAN KONG KONG,  
 81700 PASIR GUDANG, JOHOR  
 JOHOR DARUL TA'ZIM  
 TEL : 07-261 2488 FAX : 07-261 2402

**PETUNJUK ARAH**

LAMPU ISYARAT

PAPAN TANDA/SIGN BOARD Politeknik Ibrahim Sultan

Dari	Ke	Bas	Teksi
Stesen Bas Larkin (Bas 39)	Masai / Pusat Bandar Pasir Gudang	RM 3.50	RM 24.50
Bandaraya Johor Bahru (Bas Transit Link 133)	Kota Masai / PJB	RM 3.50	RM 30.50
Lapangan Terbang, Senai, Johor	Politeknik Ibrahim Sultan	-	RM 60.00

**PELAN PETUNJUK JALAN KE POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN**  
(Tidak Mengikut Skala)

**16. HAL-HAL LAIN**

Sila hubungi jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan urusan berikut:-

- a. Jawatankuasa Pengurusan Graduan  
**Puan Erlia Binti Nasir / Cik Zety Shakila Binti Mohd Yusof**  
**07-335 8851**
  
- b. Jawatankuasa Pengesanan Graduan  
**Cik Hasnida Binti Ibrahim**  
**07-335 8851**

Sebarang urusan surat menyurat, sila hantarkan kepada alamat berikut :

**Pengarah,  
POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU,  
No. 64, Jalan Suria 19,  
Taman Putera,  
81100, Johor Bahru  
Johor Darul Takzim.  
(u.p : Jawatankuasa Pengurusan Graduan)  
Faks : 07-335 8854**

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik METrO Johor Bahru di [www.pmjib.edu.my](http://www.pmjib.edu.my) jika terdapat sebarang perubahan atau makluman terkini.

**“TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA”**